

Megawati seru pendaatang ikut saluran sah

UM 29 AUG 2001

KUALA LUMPUR 28 Ogos — Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri hari ini menyeru rakyatnya yang memasuki negara ini secara haram agar segera mendapatkan dokumen perjalanan yang sah bagi mengelak timbul sebarang kesulitan.

Beliau berkata, tindakan mereka memasuki Malaysia tanpa izin bukan sahaja menyusahkan pihak berkuasa negara ini, bahkan menjadisasu masalah kepada pemerintah republik itu.

Sehubungan itu katanya, masyarakat Indonesia di sini yang belum memiliki pasport dan visa diminta segera berbuat demikian bagi menghalalkan kemasukan mereka.

"Ini juga bagi membolehkan kita berasa lebih aman (mudah) menjaga rakyat kita yang berada dalam lingkungan Malaysia," katanya dalam perjumpaan dengan kira-kira 1,000 rakyat Indonesia di kedutaan republik itu di sini.

Turut hadir di majlis itu suaminya, Taufiq Kiemas, Menteri Luar, Noer Hassan Wirajuda dan Duta Besar Indonesia ke sini, Hadi Warabi al Hadar.

Pertemuan

Semalam, isu pendaatang tanpa izin turut dibincangkan dalam pertemuan beliau selama sejam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam perbincangan itu Megawati bersetuju agar isu pendaatang tanpa izin dikendalikan dengan lebih baik bagi melindungi pekerja dari republik itu.

Sementara itu Megawati juga berkata, Kedutaan Indonesia di sini perlu lebih aktif menjaga kebajikan rakyatnya di negara ini memandangkan jumlahnya yang semakin ramai.

Katanya, pada masa ini terdapat kira-kira 1.5 juta rakyat Indonesia di negara ini.

Berhubung isu Aceh, Megawati berkata, sebarang gerakan pemisah yang dilancarkan oleh masyarakat wilayah itu akan dikendalikan dengan tegas mengikut undang-undang Indonesia.

Menurutnya, beliau sudah menandatangani undang-undang autonomi khusus, yang memberi kuasa kepada pemerintah tempatan menyelesaikan segala masalah mengikut kesesuaian undang-undang mereka.